

# Ilmu akaun bantu bisnes

**Serdang:** Pengetahuan yang dimiliki sepanjang empat tahun pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM), dimanfaatkan sebaiknya oleh Nurul 'Izzati Abdul Halim, 23, dalam menguruskan butik pakaian keluarganya di Semenyih, Selangor.

Anak sulung daripada enam beradik itu berkata, butik pakaian wanita milik keluarganya yang beroperasi pada 2012 itu, diuruskannya apabila mempunyai kelapangan masa.

“Apa yang dibelajar dalam kelas, saya gunakan untuk menguruskan butik termasuk pengurusan, pemasaran, dan rekod keluar masuk kewangan.

“Saya rasa dengan cara itu, saya semakin menguasai apa yang diajar pensyarah dalam kelas,” katanya.

Nurul 'Izzati bergelar graduan Sarjana Muda Perakauan dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.35 sempena Majlis Konvokesyen UPM ke-38, di sini, semalam.

Menurutnya, pembahagian masa perkara yang dititik beratkan kerana tidak mahu tercicir dalam pengajian.

“Walaupun saya suka membantu keluarga di butik, tetapi saya pastikan ia tidak mengganggu pelajaran saya.

“Biasanya saya akan berada di butik apabila tiada kelas,” katanya.



**NURUL Izzati (kiri) bersama ibunya Nor'aini Md Seh selepas majlis Konvokesyen UPM.**